

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 15 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN : Raja Dato' Kamarul Bahrain Shah [Kuala Terengganu] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan pada sesi Parlimen bulan Mac 2015, Kementerian menyatakan bahawa Kementerian telah membatalkan beratus lesen bot nelayan asing tetapi pihak nelayan di Pantai Timur telah menyatakan sejak bulan Februari 2015, lebih banyak bot Vietnam, khususnya memasuki perairan Malaysia. Kenapakah kenyataan Kerajaan tidak mencerminkan situasi sebenarnya di pantai timur seperti dilaporkan oleh nelayan-nelayan sendiri.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pembatalan beratus lesen bot laut dalam yang dibeli daripada negara asing merupakan salah satu kaedah pengurusan yang dilaksanakan bagi memastikan pengusaha laut dalam mematuhi syarat-syarat pelesenan yang ditetapkan dan memastikan sumber perikanan adalah terjaga. Laporan nelayan-nelayan Pantai Timur mengenai lebih banyak bot

nelayan asing memasuki perairan Malaysia berkemungkinan adalah daripada vesel-vesel yang mempunyai nombor pendaftaran tempatan palsu atau klon.

Bagi mengatasi masalah pencerobohan nelayan asing Vietnam di perairan Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah mengambil pelbagai langkah drastik seperti mempertingkatkan rondaan dan kawalan keselamatan sehingga ke sempadan perairan Zon Ekonomi Eksklusif iaitu 200 batu nautika dari pantai dengan menggunakan aset laut dan udara. APMM juga sentiasa memastikan dan mengekalkan 70% aset sedia beroperasi pada setiap masa. Dimaklumkan, kesemua aset yang tersedia mampu digerakkan dalam tempoh 30 minit setelah menerima aduan yang berkaitan.

Semenjak pengoperasian APMM di perairan Pantai Timur diadakan mulai tahun 2006, sebanyak 17,384 pemeriksaan dan sejumlah 367 tangkapan bot nelayan asing telah dibuat. Sehingga ke hari ini, jumlah pemeriksaan ke atas kapal dan bot di perairan Malaysia telah mencapai 162,619 buah dan bot nelayan asing yang ditangkap adalah sebanyak 762 buah dan telah dilucutkan hak. Manakala sebanyak 197 buah bot lagi telah dijadikan tukun tiruan. Jumlah kru asing yang ditahan pula adalah seramai 6,261 orang.

Dalam usaha membanteras aktiviti penangkapan ikan yang bertentangan dengan Akta Perikanan 1985 seperti pencerobohan oleh vesel-vesel asing dan penggunaan vesel-vesel palsu atau klon, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah dan akan terus membantu APMM dalam menjalankan operasi dan penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti pencerobohan vesel nelayan asing atau penggunaan vesel palsu/klon di perairan Malaysia.